



**ANGGOTA** bomba memindahkan mangsa yang terlibat dalam kejadian banjir kilat di beberapa kawasan di Gemas dan Gemencheh sejak tengah malam semalam. - IHSAN BOMBA

## Banjir kilat landa Gemencheh, Gemas

**TAMPIN 6 Feb.** - Seramai 442 penduduk terpaksa berpindah ke pusat pemindahan selepas banjir kilat melanda beberapa kawasan di Gemencheh dan Gemas dekat sini semalam.

Kawasan yang terjejas ialah Taman Bunga Raya, Gemencheh Baru, Taman Regent dan Taman Yu Yi di Gemencheh manakala di Gemas melibatkan sejumlah kawasan perumahan di Ayer Kuning.

Kejadian yang berlaku pukul 11.15 malam itu bagaimanapun tidak menyebabkan sebarang kemalangan jiwa dan difahamkan, kebanyakan rumah yang terjejas terletak di kawasan rendah dan berhampiran sungai.

Pengarah Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) negeri, Kamal Mokhtar berkata, berdasarkan maklumat daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri, sehingga pukul 4 petang hari ini, seramai 442 mangsa daripada 111 keluarga dipindahkan ke lima pusat pemindahan.

Menurutnya, pusat pemindahan itu ialah Dewan Orang Ramai Su-

ngai Kelamah, Balai Raya Kampung Parit Buloh di Ayer Kuning, Masjid Sungai Dua, Lubuk Cina dan Taman Pinggiran Sungai Kelamah manakala pusat pemindahan di Kampung Keru telah ditutup.

"Laporan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Banjir negeri setakat pukul 4 petang hari ini menunjukkan keadaan menjadi sukar apabila berlaku kesesakan jalan raya ekoran Jalan Gemas ke Gemencheh ditutup.

"Jalan tersebut hanya boleh dilalui oleh kenderaan berat akibat laluan ditenggelami air," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri, Norazam Khamis berkata, banjir kilat berlumpur itu berpunca daripada hujan lebat sejak pukul 3 petang semalam.

"Situasi di kawasan terjejas kini terkawal namun, kerja-kerja pemantauan masih dijalankan. Operasi menyelamat dan memindahkan penduduk melibatkan pasukan dari Balai Bomba dan Penyelamat Tampin dan Gemas," katanya.